



**PANDUAN PERMOHONAN LESEN  
BAGI AKTIVITI TOLOK SINARAN  
DAN TOLOK SINAR X**

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Batu 24, Jalan Dengkil, Dengkil  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89294100/89267699

Faks: 03-89223685

Homepage : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)

# KANDUNGAN

## Mukasurat

---

A.	SKOP	1
B.	PROSEDUR PERMOHONAN LESEN	1
	1. Cara Memohon	1
	2. Panduan Mengisi Borang Permohonan	2
	3. Pengeluaran Lesen Dan Syarat-syarat Lesen	2
	3.1 Kelas Lesen	2
	3.2 Fee Lesen	2
C.	KEPERLUAN ASAS UNTUK PERMOHONAN LESEN	3
	1. Maklumat Asas	3
	2. Mempunyai Pekerja Sinaran	3
	2.1 Mengambil Kerja Seorang Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)	3
	2.2 Mendapatkan Khidmat Juruperunding Perlindungan Sinaran	4
	2.3 Mengambil Kerja Pengendali (Tolok Sinaran & Tolok Sinar X)	4
D.	MAKLUMAT TAMBAHAN	4

LAMPIRAN		Muka surat
Lampiran 1	Senarai Semak 4 : Maklumat yang diperlukan untuk permohonan lesen kelas A bagi aktiviti tolok sinaran	6
Lampiran 1-A	Contoh mengisi surat pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan ( LPTA/SPPB)	8
Lampiran 1-B	Contoh mengisi borang biodata pekerja sinaran (LPTA/BPS Sem. 1)	9
Lampiran 1-C	Contoh salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan (LPTA/BM/5 Seksyen A, muka surat 16)	11
Lampiran 2	Senarai Semak 5 : Maklumat yang diperlukan untuk permohonan lesen kelas C bagi aktiviti tolok sinar x	12
Lampiran 3	Panduan mengisi borang permohonan lesen – LPTA/BP/1 (bahan radioaktif)	14
Lampiran 4	Panduan mengisi borang permohonan lesen – LPTA/BP/3 (radas penyinaran)	22
Lampiran 5	Senarai fee lesen untuk tempoh setahun bagi aktiviti tolok sinaran dan tolok sinar x	30

## **A. SKOP**

1. Dokumen ini disediakan untuk rujukan mereka yang ingin memohon lesen bagi aktiviti tolok sinaran<sup>1</sup> dan tolok sinar x<sup>2</sup>.
2. Aktiviti tolok sinaran dan tolok sinar x yang perlu dilesenkan merangkumi:-
  - (a) Pengelogan lubang gerak;
  - (b) Mengukur ketebalan;
  - (c) Mengukur ketumpatan/kepadatan;
  - (d) Mengukur paras;
  - (e) Mengukur kelembapan;
  - (f) Mengukur tracer-flo/radiflo;
  - (g) Sebagai punca ujian dan tentukuran;
  - (h) Tujuan analisis;
  - (i) Tujuan sterilisasi;
  - (j) Tujuan menentukan mutu pengeluaran;
  - (k) Tujuan penyelidikan; dan
  - (l) Lain-lain aktiviti yang menggunakan prinsip transmisi, serak balik dan reaktif yang akan ditentukan oleh AELB<sup>3</sup>.
3. Dokumen ini tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa.

## **B. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN**

### **1. Cara Memohon**

1.1 Sila lengkapkan 2 salinan asal borang yang berkaitan beserta maklumat yang diperlukan (rujuk Lampiran 1 dan 2)<sup>4</sup> dan juga yuran

---

<sup>1</sup> Tolok sinaran merangkumi bahan radioaktif (sama ada dalam bentuk punca terkedap atau punca tak terkedap).

<sup>2</sup> Tolok sinar x merangkumi radas penyinaran atau peralatan sinaran yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion.

<sup>3</sup> AELB bermaksud Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

<sup>4</sup> Keterangan lanjut berhubung keperluan-keperluan perlesenan boleh didapati daripada Peraturan-peraturan Perlindungan (Perlesenan) Sinaran 1986 [P.U.(A)149].

RM15.00 bagi setiap set borang permohonan kepada Ketua Pengarah AELB.

Untuk permohonan yang berkaitan dengan :

- Bahan radioaktif sahaja, sila gunakan Borang LPTA/BP/1 (putih); dan
- Radas penyinaran sahaja, sila gunakan Borang LPTA/BP/3 (merah jambu).

yang boleh didapati dari pejabat AELB yang beralamat di Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan.

## 2. **Panduan Mengisi Borang Permohonan**

Cara dan panduan melengkapkan borang permohonan adalah seperti ditunjukkan dalam Lampiran 3 (Bahan Radioaktif) dan Lampiran 4 (Radas Penyinaran)

## 3. **Pengeluaran Lesen dan Syarat-syarat Lesen**

### 3.1 Kelas Lesen

Bagi pemohon yang akan berurusan dengan :

- bahan radioaktif; lesen kelas A;
  - radas penyinaran; lesen kelas C; atau
  - bahan radioaktif dan radas penyinaran, lesen kelas A dan C;
- akan dikeluarkan oleh AELB kepadanya<sup>5</sup>.

### 3.2 Fee Lesen

Sekiranya permohonan diluluskan dan sebelum lesen yang sah dikeluarkan oleh AELB, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fee lesen yang dikenakan iaitu sama ada dalam bentuk tunai, bank draf, kiriman wang atau wang pos. Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang atau wang pos, ianya hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB.

---

<sup>5</sup> (a) Bagi lesen baru, pemohon hendaklah ambil dengan tangan bagi urusan penerangan syarat-syarat lesen.  
(b) Bagi lesen membaharui atau meminda, sila kepilkan sampul surat saiz A4 jenis 'A.R. register' bersama borang permohonan.

Jumlah bayaran fee yang dikenakan bergantung kepada aktiviti yang akan dijalankan seperti yang disenaraikan di Lampiran 5.

## **C. MAKLUMAT ASAS UNTUK PERMOHONAN LESEN**

### **1. Maklumat Asas**

Maklumat asas yang perlu dikemukakan bagi permohonan tolok sinaran dan tolok sinar x adalah masing-masingnya di Lampiran 1 serta 2 yang antara lain mengandungi perkara-perkara berikut :-

- (a) Organisasi dan Pengurusan;
- (b) Pekerja Sinaran;
- (c) Tolok sinaran/Tolok sinar x;
- (d) Alat Pengesan Sinaran;
- (e) Bilik Dedahan;
- (f) Lokasi Tolok Sinaran/Tolok sinar x; dan
- (g) Program Perlindungan Sinaran.

### **2. Mempunyai Pekerja Sinaran<sup>6</sup>**

#### **2.1 Mengambil kerja seorang Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)<sup>7</sup>**

Pemohon hendaklah mengambil kerja seorang PPS apabila hendak berurusan dengan tolok sinaran ataupun tolok sinar x.

Sekiranya pemohon mempunyai lebih dari seorang calon untuk menjadi PPS, pemohon hendaklah menetapkan seorang calon sahaja bagi menjadi PPS, manakala selebihnya sebagai Penyelia dan AELB akan mengiktiraf calon-calon tersebut.

---

<sup>6</sup> Pekerja Sinaran termasuk Pegawai Perlindungan Sinaran, Penyelia dan Pengendali (tolok sinaran).

<sup>7</sup> Syarat-syarat untuk menjadi PPS adalah seperti di LEM/TEK/44 (Bahagian A).

Salah seorang Penyelia boleh bertindak sebagai PPS sekiranya PPS berhenti kerja secara tiba-tiba. Penggantian yang secepat mungkin oleh Penyelia berkenaan dapat mengelakkan sesebuah syarikat itu daripada diarahkan untuk berhenti operasi. Namun demikian, penukaran Penyelia kepada PPS ini perlu mendapat kebenaran bertulis daripada AELB terlebih dahulu.

## 2.2 Mendapatkan Khidmat Juruperunding Perlindungan Sinaran<sup>8</sup>

Sekiranya pemohon tidak dapat menyediakan PPS dari syarikat sendiri, pemohon boleh mendapatkan khidmat Juruperunding Perlindungan Sinaran daripada syarikat perunding yang diiktiraf oleh AELB bagi mengambil alih tugas-tugas PPS.

Tempoh maksimum yang dibenarkan sesebuah syarikat mengambil kerja seorang Juruperunding Perlindungan Sinaran ialah 6 bulan dan pihak syarikat dikehendaki mempunyai PPS sendiri selepas tempoh tersebut.

## 2.3 Mengambil kerja Pengendali (Tolok Sinaran dan Tolok Sinar X)<sup>9</sup>

Bagi pemohon yang ingin mengambil kerja orang atau 'operator' yang akan mengendalikan kemudahan atau peralatan tolok sinaran atau tolok sinar x tersebut, pemohon hendaklah mendaftarkan mereka dengan AELB sebagai pekerja sinaran terlebih dahulu.

Bagi pengendali tolok sinaran dan tolok sinar x yang pernah bekerja di syarikat lain, pemohon hendaklah memastikan bahawa urusan pemberhentian kerja telah diselesaikan terlebih dahulu oleh pekerja berkenaan<sup>10</sup>.

---

<sup>8</sup> Sila rujuk LEM/TEK/40 bertajuk "Panduan Untuk Perlantikan dan Tugas Juruperunding Pegawai Perlindungan Sinaran (JPPS)".

<sup>9</sup> Sila kemukakan borang LPTA/BPS Sem. 1 bertajuk "Biodata Pekerja Sinaran" dan salinan LPTA/ BM/5 (Sec. A) untuk tujuan pendaftaran sebagai pekerja sinaran.

<sup>10</sup> Urusan Pemberhentian Kerja dianggap telah selesai apabila :

- Majikan telah mengemukakan surat hasrat pemberhentian kerja kepada AELB
- Pekerja telah menjalani pemeriksaan perubatan pemberhentian
- Rekod Perubatan LPTA/BM/5 Sek. A dan Kad pekerja sinaran telah dikembalikan kepada AELB

#### **D. MAKLUMAT TAMBAHAN**

AELB boleh meminta maklumat tambahan daripada pemohon dari semasa ke semasa apabila difikirkan perlu bagi tujuan menilai permohonan lesen.

**LAMPIRAN**

## Lampiran 1

### Senarai Semak 4

LEM/ SS/ 4/Sem. 2  
27/1/2001

Maklumat yang diperlukan untuk mendapatkan, meminda atau membahruikan  
Lesen Kelas A bagi aktiviti tolok sinaran

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
<b>A.</b>	<b>Organisasi Dan Pengurusan:-</b>			
1.	2 salinan borang permohonan asal, LPTA/BP/1 (putih)	✓	✓	✓
2.	Fee permohonan RM 15.00 per set borang	✓	✓	✓
3.	Poskad yang lengkap diisi dan berselem	✓	✓	✓
4.	Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL) <sup>1</sup>	✓		
5.	Salinan sijil pendaftaran syarikat	✓		
6.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan <sup>2</sup>	✓		
<b>B.</b>	<b>Pekerja Sinaran:-</b>			
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia <sup>3</sup> , sila kemukakan:- a) Slip keputusan peperiksaan dari AELB atau agensi yang diiktiraf oleh AELB b) Borang biodata pekerja sinaran <sup>4</sup> c) Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan <sup>5</sup>	✓		
2.	Untuk pendaftaran sebagai Pengendali, sila kemukakan perkara B1(b) dan B1(c) di atas.	✓		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu	✓		
<b>C.</b>	<b>Tolok Sinaran:-</b>			
1.	Salinan sijil ujian kemantapan bagi kapsul punca dari pembekal ( <i>special form certificate</i> )	✓	✓	
2.	Rekabentuk dalam lukisan teknik, data teknikal dan katalog bagi bekas punca	✓	✓	
3.	Surat pengesahan ( <i>undertaking letter</i> ) dari pembekal/ bahan radioaktif yang menyatakan kesanggupan menerima kembali bahan radioaktif setelah ianya tidak digunakan lagi oleh pemegang lesen atau pemegang lesen muflis	✓	✓	
<b>D.</b>	<b>Alat Pengesan Sinaran:-</b>			
1.	Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran sekiranya belum ada (sekurang-kurangnya 2 unit)	✓		
2.	Salinan sijil tentukuran alat pengesan sinaran	✓		

<sup>1</sup> OBTL adalah orang yang dilantik dari Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari pihak Pengurusan.

<sup>2</sup> Sila rujuk Lampiran 1-A (LPTA/SPPB) untuk contoh borang berkenaan. Borang boleh didapatkan di AELB.

<sup>3</sup> Sila rujuk dokumen LEM/TEK/44 (Bahagian A) atau yang terbaru/semasa.

<sup>4</sup> Sila rujuk Lampiran 1-B (LPTA/BPS Sem. 1) untuk contoh borang berkenaan. Borang boleh didapatkan di AELB.

<sup>5</sup> Sila rujuk Lampiran 1-C (borang LPTA/BM/5, Seksyen A, muka surat 16)

## Lampiran 1

### Senarai Semak 4

LEM/ SS/ 4/Sem. 2  
27/1/2001

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
<b>E.</b>	<b>Bilik Dedahan (Sekiranya ada) :-</b>			
1.	Pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (sila nyatakan kawasan yang berada berhampiran dengan bilik tersebut)	✓	✓	
2.	Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan	✓	✓	
3.	Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter dari dinding tersebut	✓	✓	
<b>F.</b>	<b>Lokasi Tolok Sinaran:-</b>			
1.	Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk lokasi tolok sinaran	✓	✓	
2.	Penilaian tapak bagi kemudahan penyinaran	✓	✓	
<b>G.</b>	<b>Program Perlindungan Sinaran:-</b>			
1.	2 salinan Program Perlindungan Sinaran mengikut format LEM/TEK/45 (Bahagian B) <sup>6</sup>	✓		
2.	Pastikan Program Perlindungan Sinaran telah diluluskan oleh AELB dan diterimapakai oleh syarikat (Nyatakan tarikh program tersebut diterimapakai)			✓

<sup>6</sup> Sila rujuk LEM/TEK/45 (Bahagian B) bertajuk 'Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran Bagi Aktiviti Tolok'.

Lampiran 1-A

LPTA/SPPB  
(percuma)

SURAT PERAKUAN PENGAMAL  
PERUBATAN BERDAFTAR YANG DILULUSKAN

Saya DR. NUR AINI N SOFIA BINTI MUHAIMIN

(No. K/P: 630707-13-5512 ) dengan ini mengakui, bahawa saya sanggup menjalankan pemeriksaan pengawasan perubatan terhadap pekerja-perkerja sinaran dari syarikat FARAH ENTERPRISE (M) SDN. BHD.

Mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga.

Pengamal Perubatan Berdaftar yang diluluskan :-

Nama : DR. NUR AINI N SOFIA BINTI MUHAIMIN

No. Kad Pengenalan : 630707-13-5512

Alamat : POLIKLINIK SOFIA & RAKAN-RAKAN  
NO.3 , JALAN SEMARAK 3/5, TAMAN SEMARAK  
SEPANG, 43900 SELANGOR DARUL EHSAN

Kelayakan : M.D. (UKM)

Tandatangan : *Ainin Sofia*

Cop Rasmi : 



NOTA : Keratan ini hendaklah dihantar terus kepada :-



Ketua Pengarah,  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800 Dengkil,  
Selangor Darul Ehsan.

Lampiran 1-B

LPTA/BPS Sem. 1  
Disemak semula pada Mei 1998  
(Percuma)

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

	<p><b>BIODATA PEKERJA SINARAN</b></p>																																
<p><b>A. DATA PERSONEL</b></p> <p>1. Nama Penuh : <u>Abdul Hamid bin A. Latib</u></p> <p>2. No. Kad Pengenalan/Pasport : <u>411015-05-7713</u>      3. Tarikh &amp; Tempat Lahir : <u>15.10.41 (Johor)</u></p> <p>4. Warganegara : <u>Malaysia</u>      5. Jantina : <u>Lelaki</u></p> <p>6. Taraf Perkahwinan : <u>Berkahwin</u>      7. No. Kad Pekerja Sinaran (Jika Ada) : <u>Tiada</u></p> <p>8. Alamat Surat Menyurat : <u>549 F, Fasa 5/40, Kawalan Perindustrian</u> <u>Nilai Jaya, 43900 Nilai, Negeri Sembilan.</u></p> <p>9. No. Telefon : <u>06-7737737</u>      10. Pekerjaan Sekarang : <u>Jurutera</u></p> <p>11. Jawatan Di Syarikat : <u>Pengarah Urusan</u></p> <p>12. Tarikh Mula Bekerja Dengan Sinaran : <u>5.1.92</u>      13. Tarikh Berhenti Dengan Majikan Dahulu : <u>Tiada</u></p>																																	
<p><b>B. DATA MAJIKAN</b></p> <p>14. Nama &amp; Alamat : <u>Farah Enterprise (M) Sdn. Bhd.</u> <u>No, 549 F, Fasa 5/40, Kawasan Perindustrian Nilai Jaya</u> <u>43900 Nilai, Negeri Sembilan.</u></p> <p>15. No. Lesen : <u>LPTA A/ 623</u>      16. Fail Rujukan Lembaga : <u>-</u></p> <p>17. Urusan Dengan :</p> <p>Bahan Radioaktif <input type="checkbox"/>      Radas Penyinaran <input type="checkbox"/>      Bahan Radioaktif &amp; Radas Penyinaran <input checked="" type="checkbox"/></p>																																	
<p><b>C. KELAYAKAN AKADEMIK, KURSUS SINARAN &amp; PENGALAMAN KERJA</b></p> <p>18. Kelayakan Akademik :</p> <table border="1" data-bbox="191 1423 1323 1583"> <thead> <tr> <th colspan="2">Tahun</th> <th rowspan="2">Nama Dan Tempat Institusi/Sekolah</th> <th rowspan="2">Sijil/Kelayakan Tertinggi</th> </tr> <tr> <th>Dari</th> <th>Hingga</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1966</td> <td>1970</td> <td>Sekolah Muar, Johor.</td> <td>SPM</td> </tr> <tr> <td>1975</td> <td>1980</td> <td>Universiti Kebangsaan Malaysia</td> <td>B. Sc(Nuklear)</td> </tr> </tbody> </table> <p>19. Kursus/Latihan Sinaran :</p> <table border="1" data-bbox="191 1646 1323 1837"> <thead> <tr> <th colspan="2">Tahun</th> <th rowspan="2">Nama Kursus &amp; Tempat</th> <th rowspan="2">Anjuran</th> <th rowspan="2">Sijil/Kelayakan Diperolehi</th> </tr> <tr> <th>Dari</th> <th>Hingga</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>14.1.85</td> <td>16.1.85</td> <td>Kursus Sinaran dan Kesihatan</td> <td>MI NT, Bangi</td> <td>Sijil Kehadiran</td> </tr> <tr> <td>2.5.96</td> <td>10.5.96</td> <td>Kursus Perlindungan Sinaran Utk Pegawai</td> <td>MI NT, Bangi</td> <td>Sijil Kelulusan</td> </tr> </tbody> </table>			Tahun		Nama Dan Tempat Institusi/Sekolah	Sijil/Kelayakan Tertinggi	Dari	Hingga	1966	1970	Sekolah Muar, Johor.	SPM	1975	1980	Universiti Kebangsaan Malaysia	B. Sc(Nuklear)	Tahun		Nama Kursus & Tempat	Anjuran	Sijil/Kelayakan Diperolehi	Dari	Hingga	14.1.85	16.1.85	Kursus Sinaran dan Kesihatan	MI NT, Bangi	Sijil Kehadiran	2.5.96	10.5.96	Kursus Perlindungan Sinaran Utk Pegawai	MI NT, Bangi	Sijil Kelulusan
Tahun		Nama Dan Tempat Institusi/Sekolah	Sijil/Kelayakan Tertinggi																														
Dari	Hingga																																
1966	1970	Sekolah Muar, Johor.	SPM																														
1975	1980	Universiti Kebangsaan Malaysia	B. Sc(Nuklear)																														
Tahun		Nama Kursus & Tempat	Anjuran	Sijil/Kelayakan Diperolehi																													
Dari	Hingga																																
14.1.85	16.1.85	Kursus Sinaran dan Kesihatan	MI NT, Bangi	Sijil Kehadiran																													
2.5.96	10.5.96	Kursus Perlindungan Sinaran Utk Pegawai	MI NT, Bangi	Sijil Kelulusan																													

20. Permit kerja bagi warganegara asing (sila sertakan salinan kebenaran dari pihak Imigresen Malaysia)					
Nombor Permit	Tempoh Permit	Tujuan permit/ Maksud Lawatan			
		Tidak Berkenaan			
21. Pengalaman kerja dalam sinaran (jika ada).					
Tarikh		Nama & Tempat Majikan	Jawatan Di Syarikat	Bidang Kerja Yang Dilakukan	
Dari	Hingga				
		Tidak Berkenaan			
D. PENGAWASAN KESIHATAN PERSONEL (jika ada)					
22. Alat Pengawasan Personel			23. Pemeriksaan Perubatan		
a. No. Lencana Filem : ..... b. No. Cincin TLD (jika ada) : ..... c. Lain-lain (nyatakan) : ..... d. Agensi Yang Menilai : <u>Tidak Berkenaan</u> ..... .....			a. Tarikh pemeriksaan pertama : <u>6.1.92</u> b. Tarikh pemeriksaan terbaru : <u>7.2.98</u> ..... Nota : Sila kemukakan salinan sah surat pengesahan pemeriksaan perubatan (sila rujuk Bahagian III, Buku Perubatan LPTA/BM/5 Seksyen A).		
E. PENGESAHAN PEMOHON			F. PENGESAHAN MAJIKAN		
Dengan ini saya <u>Abdul Hamid A. Latib</u> ..... No. Kad Pengenalan/Pasport* <u>411015-05-7713</u> Mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan saya akan mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.			Dengan ini adalah disahkan bahawa Encik/Cik* <u>Abdul Hamid A. Latib</u> ..... No. Kad Pengenalan/Pasport* <u>411015-05-7713</u> Adalah seorang pekerja di syarikat ini. Majikan akan memperikan pengetahuan dan latihan sepertimana yang dikehendaki oleh peraturan 49(1) dan 49(2) Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988.		
 (Tandatangan pemohon)		<u>13.3.98</u> (Tarikh)	<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;"> Farah Enterprise (M) Sdn. Bhd.  Selamat Ehsan </div>  (Tandatangan & Cop Majikan)		<u>14.3.98</u> (Tarikh)
G. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA					
Nota : 1. * Potong yang mana tidak berkenaan    2. Tandakan (✓) pada kotak berkenaan    3. Gunakan lampiran jika perlu					

Lampiran 1-C

ASAL  
LPTA/BM/5

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984  
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN  
(STANDARD KESELAMATAN ASAS) 1988

~~SURAT PENGESAHAN PEMERIKSAAN PERUBATAN PRA-PEKERJAAN/KAJIAN SEMULA  
KESIHATAN BERKALA/PEMERIKSAAN PERUBATAN SEMASA  
BERHENTI KERJA ATAU BERSARA/PEMERIKSAAN PERUBATAN KHAS\*~~

Saya dengan ini mengesahkan bahawa Abdul Hamid Latib  
..... (K/P :411015-05-7713 )

adalah

- (\*)i. \* layak/~~tidak layak~~ (dari segi perubatan) untuk menjalankan kerja-kerja yang menggunakan sinaran mengion;
- \*ii \*layak/tidak layak, untuk terus menjalankan kerja-kerja yang menggunakan sinaran mengion.
- \*iii. \*tidak layak (buat sementara) untuk menjalankan kerja-kerja yang menggunakan sinaran mengion.
- \*iv. \*sesuai untuk ditukarkan bagi menjalankan kerja-kerja yang tidak menggunakan sinaran mengion.
- \*v. \*didapati kesihatannya terganggu atau dipercayai dengan munasabahnya terganggu oleh sinaran mengion.
- \*vi. \*didapati kesihatannya \*terganggu/tidak terganggu oleh sinaran mengion dan \*memerlukan / tidak memerlukan pengawasan perubatan selepas \*pemberhentian kerja/persaraan.
- \*vii. (lain-lain catatan) .....


Nota :

- untuk pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan
- dalam kes ini, pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan hendaklah memberitahu pihak berkuasa berkenaan, menggunakan borang LPTA/BM/1.
- untuk pemeriksaan perubatan semasa berhenti kerja atau bersara

Maklumat ini boleh digunakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

Pengamal Perubatan Berdaftar Yang Diluluskan :

Nama : Dr. Nur Ainin Sofia Muhaimin  
No. K/Pengenalan : 630707-13-5512  
Alamat : Poliklinik Sofia & Rakan2, No. 3, Jalan  
Semarak 3 / 5, Taman Semarak, Sepang, 43900 Selangor  
Kelayakan : M.D. (UKM)

Tarikh : 16. 5. 98 Tandatangan : 

Cop Rasmi :

  
Poliklinik Sofia &  
Rakan2  
Taman Semarak,  
Sepang,  
Selangor Darul Ehsan

\* Sila potong mawa yang tidak berkenaan.

Nota : Surat pengesahan ini (asal) yang telah diisi hendaklah dihantar kepada pemegang lesen untuk disimpan dalam rekod perubatan pekerja yang berkenaan.

## Lampiran 2

### Senarai Semak 5

LEM/ SS/ 5/Sem. 2  
27/1/2001

Maklumat yang diperlukan untuk mendapatkan, meminda atau membaharui  
Lesen Kelas C bagi aktiviti tolok sinar x

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
<b>A.</b>	<b>Organisasi Dan Pengurusan:-</b>			
1.	2 salinan borang permohonan asal, LPTA/BP/3 (merah jambu)	✓	✓	✓
2.	Fee permohonan RM 15.00 per set borang	✓	✓	✓
3.	Poskad yang lengkap diisi dan berselem	✓	✓	✓
4.	Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL) <sup>1</sup>	✓		
5.	Salinan sijil pendaftaran syarikat	✓		
6.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan <sup>2</sup>	✓		
<b>B.</b>	<b>Pekerja Sinaran:-</b>			
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia <sup>3</sup> , sila kemukakan :- d) Slip keputusan peperiksaan dari AELB atau agensi yang diiktiraf oleh AELB e) Borang biodata pekerja sinaran <sup>4</sup> f) Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan <sup>5</sup>	✓		
2.	Untuk pendaftaran sebagai Pengendali, sila kemukakan perkara B1(b) dan B1(c) di atas.	✓		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu	✓		
<b>C.</b>	<b>Tolok Sinar X:-</b>			
1.	Rekabentuk dalam lukisan teknik, data teknikal dan katalog bagi radas penyinaran	✓	✓	
2.	Salinan sijil yang menunjukkan radas penyinaran telah memenuhi standard yang diiktiraf oleh LPTA	✓	✓	
<b>D.</b>	<b>Alat Pengesan Sinaran:-</b>			
1.	Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran sekiranya belum ada (sekurang-kurangnya 2 unit)	✓		
2.	Salinan sijil tentukan alat pengesan sinaran	✓		
<b>E.</b>	<b>Bilik Dedahan (sekiranya ada) :-</b>			
1.	Pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (sila nyatakan kawasan yang berada berhampiran dengan bilik tersebut)	✓	✓	
2.	Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan	✓	✓	
3.	Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter dari dinding tersebut	✓	✓	

<sup>1</sup> OBTL adalah orang yang dilantik dari Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari pihak Pengurusan.

<sup>2</sup> Sila rujuk Lampiran 1-A (LPTA/SPPB) untuk contoh borang berkenaan. Borang boleh didapati di AELB.

<sup>3</sup> Sila rujuk dokumen LEM/TEK/44 (Bahagian A) atau yang terbaru/semasa.

<sup>4</sup> Sila rujuk Lampiran 1-B (LPTA/BPS Sem. 1) untuk contoh borang berkenaan. Borang boleh didapati di AELB.

<sup>5</sup> Sila rujuk Lampiran 1-C (borang LPTA/BM/5, Seksyen A, muka surat 16)

**Lampiran 2**  
**Senarai Semak 5**

LEM/ SS/ 5/Sem. 2  
27/1/2001

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
<b>F.</b>	<b>Lokasi Tolok Sinar X:-</b>			
1.	Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk lokasi tolak sinar x	✓	✓	
<b>G.</b>	<b>Program Perlindungan Sinaran:-</b>			
1.	2 salinan Program Perlindungan Sinaran mengikut format LEM/TEK/45(Bahagian B) <sup>6</sup>	✓		
2.	Pastikan Program Perlindungan Sinaran telah diluluskan oleh AELB dan diterimapakai oleh syarikat (Nyatakan tarikh program tersebut diterimapakai)			✓
3.	Semak sama ada Program Perlindungan Sinaran perlu diubahsuai atau tidak		✓	✓

<sup>6</sup> Sila rujuk LEM/TEK/45 (Bahagian B) bertajuk 'Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran Bagi Aktiviti Tolok'.

### Lampiran 3

#### AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN (PERLESENAN) 1986

#### **BORANG UNTUK MENDAPATKAN, MEMINDA ATAU MEMBAHARUI LESEN**

(Peraturan 13 dan 14)

BORANG LPTA/BP/1	BAHAN RADIOAKTIF
<p>Borang permohonan ini hendaklah dipenuhi dalam dua salinan dan dikemukakan bersama-sama dengan fee permohonan sebanyak \$15.00 kepada :</p> <p>Setiausaha Eksekutif, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan</p> <p>atau (untuk meminda atau membaharui lesen bagi maksud perubahan):</p> <p>Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Cenderasari, 50480 Kuala Lumpur</p>	
<p><i>Catatan:</i> Gunakan lampiran tambahan jika perlu</p>	
<p>UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA</p>	

RM 1.00

### Lampiran 3

-2-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

<p>1a. PERMOHONAN UNTUK (tandakan yang berkenaan)</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Lesen baru</p> <p><input type="checkbox"/> Meminda Nombor lesen _____</p> <p><input type="checkbox"/> Membaharui Nombor lesen _____</p> <p>1b. TEMPOH DIPOHON <b>2 tahun</b> (minimum 1 tahun, maksimum 3 tahun)</p>	<p>2. TUJUAN AKTIVITI (tandakan yang berkenaan)</p> <table border="0"> <tr> <td><input type="checkbox"/> mengilang</td> <td><input type="checkbox"/> memindahkan</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> memperdagangkan</td> <td><input checked="" type="checkbox"/> mengendalikan</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> mengeluarkan</td> <td><input type="checkbox"/> menjual</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> memproses</td> <td><input checked="" type="checkbox"/> menstor</td> </tr> <tr> <td><input checked="" type="checkbox"/> membeli</td> <td><input checked="" type="checkbox"/> menggunakan</td> </tr> <tr> <td><input checked="" type="checkbox"/> mempunyai</td> <td><input checked="" type="checkbox"/> lain-lain (nyatakan)</td> </tr> </table> <p><b>memiliki, mengangkut dan mengimport/eksport.</b></p>	<input type="checkbox"/> mengilang	<input type="checkbox"/> memindahkan	<input type="checkbox"/> memperdagangkan	<input checked="" type="checkbox"/> mengendalikan	<input type="checkbox"/> mengeluarkan	<input type="checkbox"/> menjual	<input type="checkbox"/> memproses	<input checked="" type="checkbox"/> menstor	<input checked="" type="checkbox"/> membeli	<input checked="" type="checkbox"/> menggunakan	<input checked="" type="checkbox"/> mempunyai	<input checked="" type="checkbox"/> lain-lain (nyatakan)
<input type="checkbox"/> mengilang	<input type="checkbox"/> memindahkan												
<input type="checkbox"/> memperdagangkan	<input checked="" type="checkbox"/> mengendalikan												
<input type="checkbox"/> mengeluarkan	<input type="checkbox"/> menjual												
<input type="checkbox"/> memproses	<input checked="" type="checkbox"/> menstor												
<input checked="" type="checkbox"/> membeli	<input checked="" type="checkbox"/> menggunakan												
<input checked="" type="checkbox"/> mempunyai	<input checked="" type="checkbox"/> lain-lain (nyatakan)												
<p>3a. NAMA PEMOHON</p> <p><b>Farah Enterprise (M) Sdn. Bhd.</b></p> <p>3b. ALAMAT SURAT MENYURAT PEMOHON</p> <p><b>No. 549-F, Fasa 5/40 Kawasan Perindustrian Nilai Jaya 43900 Nilai, Negeri Sembilan.</b></p>													
<p>4. BUTIR-BUTIR ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PERMOHONAN INI*</p> <p>(a) Nama (huruf besar)</p> <p><b>ABDUL HAMI D BIN A. LATI B</b></p> <p>(b) Nombor Kad Pengenalan/pasport</p> <p><b>411015-05-7713</b></p> <p>(c) Jawatan</p> <p><b>Pengarah Urusan &amp; Teknikal</b></p> <p>(d) Nombor telefon</p> <p><b>06-7737737</b></p> <p><b>* Merupakan Orang Yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL)</b></p>													

### Lampiran 3

-3-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

<p>5. ALAMAT TEMPAT BAHAN AKAN DIGUNAKAN ATAU DISTOR ATAU DIPROSES</p> <p>No. 549 - F, Fasa 5 / 40 , Kawasan Perindustrian Nilai Jaya , 43900 Nilai , Negeri Sembilan .</p>			
<p>6. BUTIR-BUTIR ORANG YANG AKAN MENYELIA PENGGUNAAN BAHAN RADIOAKTIF*</p>			
Nama A	Jawatan B	Tarikh lahir C	Nombor Kad Pengenalan/Pasport D
Abdul Halim Latib	Jurutera	2/3/1968	680302-05-7411
Abdul Manaf Latib	Jurutera	4/6/1965	650604-05-3627
<p>* Penyelia yang sedang atau telah diiktiraf oleh AELB</p>			
<p>7. NAMA PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN</p> <p>Abdul Rahim Latib - No. KP :650917-05-2345 (Pengiktifaran sah sehingga : 25/12/2001)</p>			
<p>8. BUTIR-BUTIR PENGENDALI ATAU ORANG YANG MENGGUNAKAN BAHAN RADIOAKTIF*</p>			
Nama A	Tarikh lahir B	Nombor Kad Pengenalan/Pasport C	
Abdul Razak latib	7/11/1970	701107-05-2143	
Abdul Rasid Latib	3/3/1971	710303-05-5555	
<p>* Pengendali hendaklah dilantik selain daripada perkara 6 dan yang sedang atau telah diiktiraf oleh AELB.</p>			

### Lampiran 3

-4-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

9. PERIHAL DAN TUJUAN PENGGUNAAN BAHAN RADIOAKTIF YANG AKAN DILESEN							
Unsur dan nombor jisim  A	Bentuk kimia dan/atau fizik  B	Nama pengilang dan nombor model (jika ada)  C	Aktiviti		Tujuan penggunaan (gunakan kod yang diberikan di bawah)  F		
			Punca terkedap (setiap punca)  D	Punca tak terkedap  E			
<p style="text-align: center; color: blue;">Cs 137* (2 unit)</p> <p style="color: blue;">* Memenuhi standard ISO 2919</p> <p style="color: blue;">(Sila nyatakan jumlah punca yang dipohon untuk setiap unsur)</p>	Pepejal	Endress & Hauser Q 020	3.7 GBq (100 mCi)	-	2		
<p>KOD BAGI KOLUM F</p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Radiografi industri</li> <li>2. Tolok Sinaran</li> <li>3. Penyelidikan</li> <li>4. Penyelidikan dengan subjek manusia</li> <li>5. Terapi perubatan</li> </ol> </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <ol style="list-style-type: none"> <li>6. Diagnosis perubatan</li> <li>7. Pengelogan lubang gerek</li> <li>8. Tentukuran</li> <li>9. Sel penyinaran</li> <li>10. Lain-lain (nyatakan)</li> </ol> </td> </tr> </table>						<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Radiografi industri</li> <li>2. Tolok Sinaran</li> <li>3. Penyelidikan</li> <li>4. Penyelidikan dengan subjek manusia</li> <li>5. Terapi perubatan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Diagnosis perubatan</li> <li>7. Pengelogan lubang gerek</li> <li>8. Tentukuran</li> <li>9. Sel penyinaran</li> <li>10. Lain-lain (nyatakan)</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Radiografi industri</li> <li>2. Tolok Sinaran</li> <li>3. Penyelidikan</li> <li>4. Penyelidikan dengan subjek manusia</li> <li>5. Terapi perubatan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Diagnosis perubatan</li> <li>7. Pengelogan lubang gerek</li> <li>8. Tentukuran</li> <li>9. Sel penyinaran</li> <li>10. Lain-lain (nyatakan)</li> </ol>						
<p>10. MAKLUMAT TAMBAHAN BERKENAAN DENGAN BAHAN RADIOAKTIF YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIRAN 9</p> <p style="text-align: center; color: blue;">Sila rujuk kepada katalog* yang disertakan.</p> <p style="text-align: center; color: blue;">* Sila lampirkan katalog yang berkaitan.</p>							

### Lampiran 3

-5-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

11. PENSTORAN PUNCA TERKEDAP (JIKA BERKENAAN)*					
Jenis dan/atau alat untuk penstoran A	Pembekal (jika berkenaan) B	Nombor model (jika berkenaan) C			
	Tidak Berkenaan  * Perlu diisi untuk aktiviti radiografi industri sahaja				
12. ALAT MENGUKUR ATAU MENGESAN SINARAN YANG DIMILIKI SEKARANG (JIKA ADA)					
Jenis alat A	Pembekal B	Nombor model C	Bilangan yang ada D	Sinaran yang boleh dikesan E	Julat F
Ludlum	MI NT	Probe 14C (Tempoh sah tentukan 14.12.1999)	1	$\alpha, \beta, \gamma$	0 - 2000 mR/hr
Berthold	MI NT	1230 S (Tempoh sah tentukan 26.6.1999)	1	$\alpha, \beta, \gamma$	0 - 2000 mR/hr
13. PENENTUKURAN ALAT YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIRAN 12 (tandakan yang berkenaan dan sertakan perakuan yang relevan)					
<input type="checkbox"/> Oleh pemohon		<input checked="" type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan nama dan alamat agensi penentuan)  MI NT, Bangi, Selangor Darul Ehsan			
Sertakan ringkasan yang menerangkan kaedah dan kekerapan penentuan, tarikh penentuan terakhir dan standard yang digunakan untuk penentuan alat.					

### Lampiran 3

-6-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

14. PENGAWASAN KAKITANGAN			
Jenis (tanda yang berkenaan) A	Pembekal B	Agensi yang menilai C	Kekerapan penilaian D
<input checked="" type="checkbox"/> Lencana filem  <input type="checkbox"/> Meter dos thermoluminesens (TLD)  <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)	MINT	MINT	Setiap Bulan
15. KEMUDAHAN PENSTORAN DAN PENGENDALIAN UNTUK BAHAN RADIOAKTIF (tanda yang berkenaan dan sertakan perakuan yang relevan)			
<input type="checkbox"/> Kemudahan makmal, kemudahan loji, termasuk yang dilengkapi dengan tudung wasap, dll.			
<input checked="" type="checkbox"/> Kemudahan penstoran, kontena, pemerisaian khas (tetap atau sementara), dll.			
<input type="checkbox"/> Alat atau kelengkapan pemegang jauh dll.			
<input type="checkbox"/> Perkakas perlindungan diri, dll.			
Pemohon dikehendaki melampirkan pelan lakar dan perihal butiran yang relevan. Pelan mengenai maklumat di atas dilampirkan bersama.			

### Lampiran 3

-7-

#### BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

16. PENSTORAN/PELUPUSAN SISA (JIKA BERKENAAN)

Nyatakan sifat semulajadi sisa radioaktif.  
 Nyatakan jenis dan aktiviti radionuklid.  
 Terangkan dengan terperinci kaedah-kaedah yang dicadangkan bagi penstoran/pelupusan sisa radioaktif.  
 Jika permohonan ini adalah untuk punca terkedap, jelaskan sama ada punca terkedap tersebut akan dipulangkan kepada pembekal setelah tamat tempoh penggunaannya.

Akan dikembalikan kepada pembekal.  
 (Disertakan Surat pengesahan (undertaking letter) di antara pemohon dengan pembekal).

17. PROGRAM PERLINDUNGAN SINARAN

Terangkan program perlindungan sinaran yang akan diterimapakai.

Disertakan 2 salinan Program Perlindungan Sinaran bersama-sama dengan permohonan ini.  
 (bagi lesen baru)

18. KELULUSAN DAN PENGALAMAN PENYELIA, PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN DAN PENGENDALI

(a) Nyatakan kelulusan Penyelia, Pegawai Perlindungan Sinaran dan pengendali. Senaraikan kursus yang relevan yang telah dihadiri dan sertakan salinan sah sijil yang diperolehi.

Nama A	Jawatan B	Kelulusan/Kursus yang dihadiri C	
Abdul Rahim A. Latib	PPS	Kursus Perlindungan Sinaran (MI NT dari 12.3.98 – 24.3.98)	
Abdul Halim A. Latib	Penyelia		Sda
Abdul Manaf A. Latib	Penyelia		Sda
Abdul Rasid A. Latib	Pengendali		Sda
*Sila nyatakan tarikh dan tempat yang terakhir kursus dihadiri			

Lampiran 3

-8-

BORANG LPTA/BP/1 (Sambungan)

(b) Nyatakan pengalaman Penyelia, Pegawai Perlindungan Sinaran dan pengendali dan sertakan, Jika ada, ringkasan yang berkenaan.

Nama A	Jawatan B	Organisasi C	Tempoh D	Tahun E
Abdul Rahim A. Latib	PPS	Farah Ent.	5 Tahun	1993 - 1998
Abdul Halim A. Latib	Penyelia	Sda	3 tahun	1995 - 1998
Abdul Manaf A. Latib	Penyelia	Sda	3 tahun	1995 - 1998
Abdul Rasid A. Latib	Pengendali	Sda	2 tahun	1996 - 1998

19. PERAKUAN

Saya \_\_\_\_\_ ABDUL HAMID BIN A. LATIB \_\_\_\_\_  
(nama penuh)

Nombor Kad Pengenalan/Pasport\* \_\_\_\_\_ 411015-05-7713 \_\_\_\_\_

dengan ini mengaku ---

- (i) bahawa permohonan ini dibuat bagi pihak saya sendiri/bagi pihak FARAH ENT. (M) SDN. BHD.  
(ii) bahawa segala butir yang diberikan dalam borang ini, termasuk semua lampiran yang disertakan bersama-sama ini, adalah benar dan betul.

Tandatangan : 

Nama (huruf besar) : ABDUL HAMID BIN A. LATIB

Jawatan : PENGARAH URUSAN & TEKNI KAL

Cop rasmi : 

Tarikh : 14 Mei 1998

L-PNMB., K.L.

## Lampiran 4

(LPTA 3)

### **AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984**

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN (PERLESENAN) 1986

### **BORANG UNTUK MENDAPATKAN, MEMINDA ATAU MEMBAHARUI LESEN**

(Peraturan 13 dan 14)

BORANG LPTA/BP/3	RADAS PENYINARAN
<p>Borang permohonan ini hendaklah dipenuhi dalam dua salinan dan dikemukakan bersama-sama dengan fee permohonan sebanyak \$15.00 kepada :</p> <p>Setiasaha Eksekutif, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24, Jalan Dengkil 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan</p> <p>atau (untuk meminda atau membaharui lesen bagi maksud perubahan):</p> <p>Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Cenderasari, 50480 Kuala Lumpur</p>	
<p><i>Catatan:</i> Gunakan lampiran tambahan jika perlu</p>	
<p>UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA</p>	

RM 1.00

## Lampiran 4

-2-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

1a. PERMOHONAN UNTUK  
(tindakan yang berkenaan)

- Lesen baru
- Meminda  
Nombor lesen \_\_\_\_\_
- Membaharui  
Nombor lesen \_\_\_\_\_

1b. TEMPOH DIPOHON  
(minimum 1 tahun, maksimum 3 tahun)

2. TUJUAN AKTIVITI  
(tindakan yang berkenaan)

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> mengilang            | <input type="checkbox"/> memindahkan  |
| <input type="checkbox"/> memperdagangkan      | <input checked="" type="checkbox"/> mengendalikan   |
| <input type="checkbox"/> mengeluarkan         | <input type="checkbox"/> menjual  |
| <input type="checkbox"/> memproses            | <input checked="" type="checkbox"/> menstor   |
| <input checked="" type="checkbox"/> membeli   | <input checked="" type="checkbox"/> menggunakan   |
| <input checked="" type="checkbox"/> mempunyai | <input checked="" type="checkbox"/> lain-lain<br>(nyatakan)<br>memiliki, mengangkut dan<br>mengimport/eksport |

3a. NAMA PEMOHON

Farah Enterprise (M) Sdn. Bhd.

3b. ALAMAT SURAT MENYURAT PEMOHON

No. 549-F, Fasa 5/40  
Kawasan Perindustrian Nilai Jaya  
43900 Nilai, Negeri Sembilan.

4. BUTIR-BUTIR ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PERMOHONAN INI\*

(a) Nama (huruf besar)

ABDUL HAMID BIN A. LATIB

(a) Nombor Kad Pengenalan/pasport

411015-05-7713

(a) Jawatan

Pengarah Urusan & Teknikal

(a) Nombor telefon

06-7737737

\* Merupakan Orang Yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL)

## Lampiran 4

-3-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

5. ALAMAT TEMPAT RADAS PENYINARAN AKAN DIGUNAKAN ATAU DIPROSES

No. 549 – F, Fasa 5 / 40 ,  
Kawasan Perindustrian Nilai Jaya ,  
43900 Nilai , Negeri Sembilan .

6. BUTIR-BUTIR ORANG YANG AKAN MENYELIA PENGGUNAAN RADAS PENYINARAN

Nama A	Jawatan B	Tarikh lahir C	Nombor Kad Pengenalan/Pasport D
Abdul Halim Latib	Jurutera	2/3/1968	680302-05-7411
Abdul Manaf Latib	Jurutera	4/6/1965	650604-05-3627
* Penyelia yang sedang atau telah diiktiraf oleh AELB			

7. NAMA PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN

Abdul Rahim Latib - No. KP : 650917-05-2345  
(Pengiktifaran sah sehingga : 25/12/2001)

8. BUTIR-BUTIR PENGENDALI ATAU ORANG YANG MENGGUNAKAN RADAS PENYINARAN

Nama A	Tarikh lahir B	Nombor Kad Pengenalan/Pasport C
Abdul Razak latib	7/11/1970	701107-05-2143
Abdul Rasid Latib	3/3/1971	710303-05-5555
* Pengendali hendaklah dilantik selain daripada perkara 6 dan yang sedang atau telah diiktiraf oleh AELB.		

## Lampiran 4

-4-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

#### 9. PERIHAL DAN TUJUAN PENGGUNAAN RADAS PENYINARAN YANG AKAN DILESEN

Jenis dan model	Maksimum kilovolt puncak	Maximum miliampere	Paras kuasa maksimum kilowatt	Nombor siri panel kawalan	Nombor siri kepala tiub	Pembekal	Tujuan penggunaan (gunakan kod yang relevan yang diberikan) H
A	B	C	D	E	F	G	H
Nicolet NXR 200 (1 unit)  (Radas telah dilesenkan kepada pembekal)	100 KVp	0.4 mA	0.04 KW	Tiada	Tiada	Comacraft, KL	7

#### KOD BAGI KOLUM H

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Pergigian</li> <li>1. Diagnosis perubatan</li> <li>1. Terapi perubatan</li> <li>1. Kiropraktik</li> <li>1. Veterinar</li> <li>1. Radiografi Industri</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>7. Analisa Sinar-X</li> <li>8. Tolok Sinar-X</li> <li>9. Penyelidikan dengan subjek manusia</li> <li>10. Penyelidikan</li> <li>11. Lain-lain (nyatakan)</li> </ul> |
|---|---|

#### 10. MAKLUMAT TAMBAHAN BERKENAAN DENGAN BAHAN RADIOAKTIF YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIRAN 9

Sila rujuk kepada katalog\* yang disertakan.

\*Sila lampirkan katalog yang berkaitan.

## Lampiran 4

-5-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

11. ALAT MENGUKUR ATAU MENGESAN SINARAN YANG DIMILIKI SEKARANG (JIKA ADA)

Jenis alat A	Pembekal B	Nombor model C	Bilangan yang ada D	Sinaran yang boleh dikesan E	Julat F
Ludlum	MI NT	Probe 14C (Tempoh sah tentukuran 26.6.1999)	1	$\alpha$ $\beta$ $\gamma$	0 - 2000 mR/hr
Berthold	MI NT	1230 S (Tempoh sah tentukuran 19.12.1999)	1	$\alpha$ $\beta$ $\gamma$	0 - 2000 mR/hr

13. PENENTUKURAN ALAT YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIRAN 12  
(tandakan yang berkenaan dan sertakan perakuan yang relevan)

Oleh pemohon

Lain-lain (nyatakan nama dan alamat agensi penentukuran)

MI NT, Bangi, Selangor Darul Ehsan

Sertakan ringkasan yang menerangkan kaedah dan kekerapan penentukuran, tarikh penentukuran terakhir dan standard yang digunakan untuk penentukuran alat.

## Lampiran 4

-6-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

#### 13. PENGAWASAN KAKITANGAN

Jenis (tandakan yang berkenaan) A	Pembekal B	Agensi yang menilai C	Kekerapan penilaian D
<input checked="" type="checkbox"/> Lencana filem  <input type="checkbox"/> Meter dos thermoluminesens (TLD)  <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)	MINT	MINT	Bulanan

#### 14. PERIHAL KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN YANG AKAN DIPASANG

Pelan susunatur terperinci yang dikemukakan hendaklah mengandungi sekurang – kurangnya maklumat berikut :

- (a) bilik : kedudukan dan dimensa ;
- (a) dinding, siling dan lantai: bahan yang digunakan dan ketebalan;
- (a) tingkap, pintu dan bukaan-bukaan lain: kedudukan , saiz dan bahan yang digunakan ;
- (a) kelengkapan : spesifikasi radas penyinaran , kedudukannya di dalam bilik dan kedudukan konsol pengendalian ; dan
- (e) persekitaran : penggunaan ruang – ruang yang berdekatan dengan bilik termasuklah di sebelah atas dan bawah .

#### 15. PROGRAM PERLINDUNGAN SINARAN

Terangkan program perlindungan sinaran yang akan diterimapakai.

Disertakan 2 salinan Program Perlindungan Sinaran bersama-sama dengan permohonan ini  
(bagi lesen baru)

## Lampiran 4

-7-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

16. KELULUSAN DAN PENGALAMAN PENYELIA, PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN DAN PENGENDALI

(a) Nyatakan kelulusan Penyelia, Pegawai Perlindungan Sinaran dan pengendali. Senaraikan kursus yang relevan yang telah dihadiri dan sertakan salinan sah sijil yang diperolehi.

Nama A	Jawatan B	Kelulusan/Kursus yang dihadiri C
Abdul Rahim A. Latib	PPS	Kursus Perlindungan Sinaran (MI NT dari 12.3.98 - 24.3.98)
Abdul Halim A. Latib	Penyelia	Sda
Abdul Manaf A. Latib	Penyelia	Sda
Abdul Rasid A. Latib	Pengendali	Sda
*Sila nyatakan tarikh dan tempat yang terakhir kursus dihadiri		

(b) Nyatakan pengalaman Penyelia, Pegawai Perlindungan Sinaran dan pengendali dan sertakan, Jika ada, ringkasan yang berkenaan.

Nama A	Jawatan B	Organisasi C	Tempoh D	Tahun E
Abdul Rahim A. Latib	PPS	Farah Ent.	5 Tahun	1993 - 1998
Abdul Halim A. Latib	Penyelia	Sda	3 tahun	1995 - 1998
Abdul Manaf A. Latib	Penyelia	Sda	3 tahun	1995 - 1998
Abdul Rasid A. Latib	Pengendali	Sda	2 tahun	1996 - 1998

## Lampiran 4

-8-

### BORANG LPTA/BP/3 (Sambungan)

#### 17. PERAKUAN

Saya ABDUL HAMID BIN A. LATIB  
(nama penuh)

Nombor Kad Pengenalan/Passport \* 411015-05-7713

Dengan ini mengaku ---

- (i) bahawa permohonan ini dibuat ~~bagi pihak saya sendiri~~ bagi pihak FARAH ENT. (M) SDN. BHD.
- (i) bahawa segala butir yang diberikan dalam borang ini, termasuk semua lampiran yang disertakan bersama-sama ini, adalah benar dan betul.

Tandatangan : 

Nama (huruf besar) : ABDUL HAMID BIN A. LATIB

Jawatan : PENGARAH URUSAN & TEKNI KAL

Cop rasmi : 

Tarikh : 14 Mei 1998

## Lampiran 5

Senarai fee lesen untuk tempoh setahun  
bagi tujuan menjalankan aktiviti tolok sinaran dan tolok sinar x

AKTIVITI	FEE LESEN SETAHUN
1. Bahan radioaktif punca tak terkedap <sup>1</sup>  Contoh :Kategori A1 (seperti Kr-85 yang digunakan untuk 'tracerflo/radiflo').	RM 100.00 (tidak mengira kuantiti punca)
2. Bahan radioaktif (punca terkedap) yang digunakan untuk :-  (a) Mengukur ketebalan; (b) Mengukur ketumpatan/kepadatan; (c) Mengukur paras; (d) Mengukur kelembapan; (e) Tujuan analisis; dan (f) Tujuan menentukan mutu pengeluaran.	RM 200.00 untuk punca pertama. RM40.00 untuk setiap punca tambahan.
3. Bahan radioaktif (punca terkedap) yang digunakan untuk pengelogan lubang gerak.	RM 300.00 untuk punca pertama RM 60.00 untuk setiap punca tambahan
4. Sebarang punca terkedap yang aktivitiya tidak melebihi 40 Megabecquerel.	RM 100.00 untuk punca pertama. RM 20.00 untuk setiap punca tambahan
5. Sebarang punca terkedap yang aktivitiya melebihi 40 Megabecquerel dan tidak melebihi 400 Megabecquerel.	RM 200.00 untuk punca pertama. RM 40.00 untuk setiap punca tambahan
6. Radas penyinaran yang digunakan untuk tujuan analisis.	RM 300.00 untuk punca pertama. RM 60.00 untuk setiap punca tambahan
7. Radas penyinaran yang digunakan untuk tujuan selain dari tujuan analisis.	RM 100.00 untuk punca pertama. RM 20.00 untuk setiap punca tambahan
8. Bahan radioaktif (punca terkedap) yang digunakan untuk sel penyinaran bagi tujuan sterilisasi atau penyelidikan.	RM 1,000.00 untuk sel pertama. RM 200.00 untuk setiap sel tambahan

Nota : Bagi dua aktiviti, jumlah fee adalah daripada kedua-dua aktiviti tersebut  
[contoh 2(a) & 3 = RM200.00 + RM300.00 = RM500.00]

<sup>1</sup> Sila rujuk Jadual Kedua Untuk Kategori Punca Tak Terkedap (Peraturan 4) dalam Peraturan-peraturan Perlindungan (Perlesenan) Sinaran 1986 [P.U.(A)149]